

03/08/2001

Larangan ceramah tidak bunuh kebebasan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan pembangkang bahawa larangan terhadap ceramah terbuka tanpa permit yang dikenakan sekarang akan mematikan kebebasan dalam sebuah negara demokrasi.

Malah, Perdana Menteri menampelak Naib Presiden Pas, Datuk Mustafa Ali yang mendakwa ceramah tidak lagi diadakan di Amerika Syarikat selepas pilihan raya selesai, kononnya kerana media di sana bebas berbanding di Malaysia, menyebabkan pembangkang di negara ini menggunakan ceramah umum sebagai saluran.

Beliau berkata, lebih menyedihkan ialah ceramah pembangkang menjadi tempat untuk melemparkan fitnah sedangkan dalam Islam menganggap fitnah lebih dahsyat daripada membunuh selain Islam menyuruh umatnya bertolak ansur.

"Saya akui di Amerika Syarikat dan Britain, televisyen dan akhbar mereka nampak bebas, tetapi selidik dulu sama ada bebas atau tidak. Siapakah yang memiliki TV ini, siapakah yang memiliki akhbar-akhbar ini?"

"Saya tak berani sebutlah, tetapi kita tahu ada orang tertentu dan segala yang disiarkan itu memihak kepada pemilik media dan TV ini. Mereka mengutamakan agenda mereka dan agenda mereka tidak terhad kepada Amerika saja.

"Kita semua tahu dan Pas tentu tahu bahawa ia juga meliputi negara lain khususnya negara Islam. Tidak ada sesuatu pun yang baik yang pernah dilaporkan mengenai negara Islam. Kenapa demikian? Kalau betul-betul bebas kenapa tidak memberi laporan yang benar mengenai apa yang dilakukan terhadap negara Islam, bagaimana orang Islam ditindas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucap tama di majlis Dialog Perdana Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) bertemakan "Toleransi - Model Malaysia" di sini.

Mustafa yang menjadi peserta dialog meminta penjelasan Dr Mahathir yang sebelum itu menyatakan di Amerika dan Britain, semua pihak menghentikan ceramah umum selepas pilihan raya selesai.

Menurut Mustafa, ini berlaku kerana media dan TV di sana bebas dan terus memuatkan berita pihak pembangkang 'tetapi di sini ceramah tak boleh, radio dan TV tidak bebas... saya rasa pemerintah tidak toleran'.

Perdana Menteri berkata, sesetengah rakyat tempatan gemar memuji Barat kononnya baik dan pengamal demokrasi tulen.

"Tetapi sebenarnya tidak ada demokrasi (di Barat) kerana hanya yang kaya saja yang boleh bertanding di sana. Di sini (Malaysia) 'haprak' mana pun boleh bertanding. Masa pilihan raya (di Barat) berapa banyak duit diguna, tak juga ditegur dan itu demokrasi, di sini tak bolehlah.

"Jadi kita janganlah terbawa-bawa dengan apa yang didakwa negara maju ini. Mereka mempunyai agenda mereka, janganlah orang kita pula sokong mereka. Yang benar, kita kata benar, kita bukan nak menghentam orang kerana marah kepada orang tak tentu hala.

"Kita ada bukti ketidakadilan yang dilakukan mereka. Sebab itu kita tak boleh terima dakwaan bahawa sebabnya mereka tidak ada ceramah di sana ialah kerana ada kebebasan akhbar. Mereka tidak ada kebebasan," katanya.

Sebelum itu, seorang peserta turut bertanya mengenai isu ceramah secara terbuka itu dan berpendapat parti pembangkang langsung tidak mematuhi arahan kerajaan.

Dr Mahathir berkata, di Amerika dan Britain tumpuan diberi untuk memberi

peluang kepada parti yang berjaya membentuk kerajaan selepas pilihan raya dan tiada berlaku kempen memburuk-buruk kerajaan atau pemimpinnya seperti berlaku di negara ini.

"Kalau kita tak puas hati... empat, lima tahun lagi diadakan pilihan raya, masa itu kita bagi tahu kegagalan kerajaan dan kenapa rakyat perlu pilih kerajaan yang lain. Bila pilihan raya diadakan, kempen, ceramah, rapat umum diadakan dan rakyat berpeluang untuk membuat pilihan.

"Selepas pilihan raya itu tamat maka tidak lagi ceramah, rapat umum, risalah, fitnah tidak ada. Saya cuba selidik sama ada parti Konservatif di Britain ini, memanggil Tony Blair (Perdana Menteri Britain) anjing, penindas atau zalim... kita tak dengar," katanya.

(END)